

## Tiga peniaga ambil kesempatan wabak coronavirus didenda

Published on: Saturday, February 08, 2020



**PEGAWAI-pegawai penguatkuasa KPDNHEP melakukan pemeriksaan di sebuah premis perniagaan.**

**KOTA KINABALU:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah mengenakan denda RM30,500 masing-masing kepada tiga peniaga bagi kesalahan menjual penutup hidung dan mulut di atas harga siling dan mengambil kesempatan ke atas wabak coronavirus.

Timbalan Pengarahnya merangkap Ketua Pegawai Penguatkuasa, Taha Julai, berkata KPDNHEP memeriksa sebanyak 332 premis dari 29 Januari hingga 6 Februari, di mana dua kes difailkan di Kota Kinabalu dan satu kes di Sandakan, membabitkan rampasan berjumlah RM3,160.

"Bagi ketiga-tiga kes ini, KPDNHEP Sabah mengenakan denda RM30,500 bagi kesalahan menjual penutup hidung dan mulut di atas harga kawalan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011," katanya dalam satu kenyataan, Jumaat.

Taha menambah bahawa beliau juga telah mengetuai satu pemeriksaan khas pada 7 Februari bersama pegawai-pegawai penguatkuasa KPDNHEP di premis-premis sekitar Kg Air, di sini.

"Tujuan pemeriksaan ini adalah untuk memastikan bahawa premis perniagaan, khususnya farmasi dan kedai barangan runcit yang menjual penutup hidung dan mulut mengikut harga ditetapkan keranaan dan tidak mengambil kesempatan.

"Pemantauan akan berterusan di seluruh Sabah. Jika pengguna-pengguna menghadapi masalah dari penjualan penutup hidung dan mulut, sila buat aduan di pejabat atau cawangan KPDNHEP," katanya.